# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

28 OGOS 2016
AHAD


| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| SINAR HARIAN | HENTIKAN AKTIVITI LUAR BILIK DARJAH | 2 |
| SINAR HARIAN | JOHOR ADA CARA TERSENDIRI | 3 |
| SINAR HARIAN | ‘SAYA TAKUT DIPANGGIL PENGEMIS’ | 4 |
| HARIAN METRO | PASIR GUDANG HILANG! | 5 |
| THE STAR | APPRECIATING MALAYSIA’S PEACE AND HARMONY | 6 |
| THE STAR | JOHOREANS WALK FOR MODERATION | 7 |
| NEW STRAITS TIMES | HAZE TAKE HOLD IN JOHOR | 8 |

# SINAR HARIAN

SH 28/8/16

## Hentikan aktiviti luar bilik darjah

### Pelajar dinasihatkan pakai topeng, elak kesan sampingan jerebu

AZIZAN INCHE HARUN

**JOHOR BAHRU** – Jabatan Pendidikan Negeri telah mengarahkan pihak sekolah untuk menghentikan sebarang aktiviti di luar bilik darjah ekoran masalah jerebu yang sedang melanda beberapa daerah di negeri ini.

Pengarah Pendidikan Negeri, Shaharudin Sharif berkata, semua pelajar juga dinasihatkan memakai topeng penutup hidung dan mulut semasa keluar dari rumah untuk ke sekolah bagi mengelakkan kesan sampingan kepada kesihatan.

"Kita dah arahkan semua sekolah tidak mengadakan sebarang aktiviti di luar bilik darjah kerana tidak mahu menjadi ancaman kesihatan kepada pelajar memandangkan masalah jerebu yang mula melanda negeri ini.

"Kita juga ingin menasihatkan semua pelajar supaya memakai topeng penutup hidung dan mulut ke sekolah sebagai langkah menjaga kesihatan masing-masing," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, semua sekolah di negeri ini masih berjalan seperti biasa selagi tahap bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak mencecah bacaan tidak sihat.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa dan Alam Sekitar Negeri, Datuk Ayub Rahmat berkata, jerebu mula merentas sempadan dan melanda Johor sejak kelmarin apabila beberapa kawasan seperti di Pasir Gudang dan Larkin menunjukkan penurunan kualiti udara.

Menurutnya, lingkaran asap jerebu sederhana berdaripada kawasan kebakaran di Sumatera Tengah (Riau) menyelubungi bahagian selatan Johor dan Singapura.



Keadaan persekitaran Pasir Gudang yang berjerebu, semalam.

"Sehingga jam 7 pagi semalam, sebanyak 36 kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap baik, 12 kawasan dengan bacaan IPU sederhana dan satu kawasan iaitu Pasir Gudang mencatatkan bacaan IPU tidak sihat," katanya.

"Manakala sehingga jam 5.30 petang semalam pula, Pasir Gudang telah mencatatkan bacaan IPU sederhana iaitu 99, manakala Larkin Lama 89 dan Kota Tinggi 84 serta Muar 65," katanya.



# SINAR HARIAN

SH 28/8/16

## Johor ada cara tersendiri

**PASIR GUDANG** – Kelainan pendekatan yang dilaksanakan Johor diakui sering menimbulkan rasa kurang senang orang luar termasuk Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pengerusi Kelab Penyokong Barisan Nasional, Tan Sri Shahrir Abdul Samad berkata, kelainan terbukti lebih baik daripada idea Wawasan 2020 dan bangsa Malaysia yang diperkenalkan oleh bekas Perdana Menteri itu.

"Soal marah kepada bangsa Johor mungkin ada sebab dan satu sebab beliau penganjur bangsa Malaysia yang tak ada sambutan kuat dan apabila mendengar bangsa Johor boleh berjaya pula mungkin itulah salah satu sebabnya.

"Satu lagi sebab umumnya saya tahu Datuk Musa pernah cakap dengan saya Tun Dr Mahathir sebenarnya tak sukakan orang Johor, hanya seorang sahaja beliau suka iaitu Datuk Musa tapi akhirnya itu pun tak betul sebab beliau tak suka semua orang Johor," katanya pada sidang media selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Pasir Gudang, di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Abdul Samad.

Shahrir berkata, setiap negeri mempunyai cara tersendiri untuk membolehkan masyarakat membuat keputusan yang terbaik.

"Kita ambil pendekatan sendiri itu yang sebenarnya membuatkan orang tak faham sehingga peringkat pusat rasa macam mengada-ngada orang Johor, sedangkan kita ambil pendekatan berbeza.

"Kalau kita buat cara ini di Kedah mungkin orang tak boleh terima.. di Kelantan mungkin berbeza dan inilah mungkin sebabnya apabila saya perhatikan Tun Dr Mahathir tak berapa suka orang Johor," katanya.



Mohamed Khaled (kiri) mengiringi Shahrir (tengah) menyampaikan cenderamata kepada veteran tentera sempena Hari Kemerdekaan, semalam.



# SINAR HARIAN

SH 28/8/16

## ‘Saya takut dipanggil pengemis’

### Sembilan beranak rela hidup sederhana daripada bergantung pemberian orang



Normala (tiga, kiri) menyampaikan sumbangan kepada penerima program Kembara Jalinan Kasih sempena Gen-Y Gemilang Siswa di Pejabat Parlimen Pasir Gudang.

AZIZAN INCHE HARUN

**PASIR GUDANG** - Sebuah keluarga sembilan beranak di Taman Nusa Damai, di sini, rela hidup bersederhana daripada dipandang masyarakat sebagai pengemis kerana bergantung harap kepada pemberian orang lain.

Rohaya Mohamad, 45, berkata, pendapatannya sebagai pengawal keselamatan sekolah bersama suami yang bekerja sebagai operator pengeluaran sebanyak lebih RM3,000 agak terhimpit untuk membesarkan tujuh anak.

Bagaimanapun, menurutnya, perbelanjaan secara berhemah yang dipraktikkannya sekeluarga tidak pernah menyebabkan anak-anaknya yang berumur 4 hingga 10 tahun terpaksa mengikat perut.

“Alhamdulillah... saya mendiami rumah sendiri yang perlu dibayar sebanyak RM550 sebulan, walaupun perbelanjaan keluarga perlu lebih berjimat dalam keadaan ekonomi cukup mencabar sekarang ini.

“Saya tinggalkan dua anak yang masih kecil kepada pengasuh dengan bayaran bulanan RM300 dan akan diambil kakaknya apabila masing-masing dah pulang dari sekolah kerana saya perlu bekerja.

“Saya tak pernah mohon bantuan daripada mana-mana jabatan kerajaan kerana malu dan sangat takut dipanggil pengemis, sedangkan kami suami isteri masih ada kudrat untuk mencari rezeki dalam membesarkan anak-anak,” katanya ketika ditemui *Sinar Harian* selepas program Kembara Jalinan Kasih sempena Gen-Y Gemilang Siswa di Pejabat Parlimen Pasir Gudang, di sini, semalam.

Sementara itu, Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Abdul Samad berkata, beliau teruja dengan pembabitan Gen-Y bersama jabatan kerajaan lain menjayakan program julung kali diadakan itu.

Menurutnya, inisiatif itu sebagai usaha menanam dalam diri golongan muda supaya memahami erti perjuangan, bukan sebagai penyokong semata-mata.

“Kita bukan penyokong, tapi pejuang yang lebih jitu jiwanya berbanding penyokong yang mempunyai tujuan tertentu.

“Saya teruja apabila anak muda dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Pasir Gudang dan Kolej Komuniti Pasir Gudang, walaupun berstatus pelajar tapi berusaha mengumpul dana untuk disumbangkan kepada golongan memerlukan,” katanya.

Tambahnya, program kerjasama Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Johor bersama Pejabat Parlimen Pasir Gudang dan beberapa agensi kerajaan lain serta institusi pengajian tinggi (IPT) itu menyampaikan sumbangan kepada 20 keluarga kurang berkemampuan di Pasir Gudang.



# HARIAN METRO



KEADAAN Pelabuhan Johor yang berjerebu tebal. Gambar dirakam dari Menara Aqabah. FOTO: MOHD AZREN JAMALUDIN

# PASIR GUDANG HILANG!

## Jerebu catat IPU tertinggi tidak sihat 104

HM 28/8/16

Mary Victoria Dass
maryvictoria@hmetro.com.my

**Johor Bahru**

Keadaan berjerebu dikesan di beberapa kawasan di negeri ini mulai kelmarin dan mencatatkan penurunan status kualiti udara.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Jaafar berkata, jerebu berkenaan berpunca daripada kebakaran tanah dan hutan di Sumatera Tengah, Indonesia yang dibawa angin Monsun Barat Daya.

Beliau berkata, pada jam 8 pagi semalam bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) paling tinggi dicatatkan di Pasir Gudang pada tahap tidak sihat iaitu 104.

Menurutnya, sebanyak 35 kawasan mencatatkan bacaan pada tahap baik selain 12 kawasan pada tahap sederhana.

"Berdasarkan laporan ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) yang berpusat di Singapura pada 26 Ogos 2016, bilangan titik panas yang dikesan di Sumatera, Indonesia adalah sebanyak 11, manakala sebanyak tiga dikesan di Kalimantan.

"Dalam negara pula, hanya satu titik panas dikesan iaitu bahagian Sibu, Sarawak dan lokasi titik panas dalam negara sedang disiasat dan diambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya.

"Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh pihak ASMC pada 26 Ogos 2016 menunjukkan terdapat lingkaran asap jerebu sederhana dari kawasan kebakaran tanah dan hutan di kawasan tengah Sumatera menyelubungi bahagian selatan Johor dan Singapura," katanya dalam kenyataan akhbar, semalam.

Wan Junaidi berkata, Jabatan Alam Sekitar (JAS) masih memantau rapi status kualiti udara di seluruh negara berikutan kejadian jerebu masih tidak menentu.

Menurutnya, titik panas di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia yang masih aktif boleh menyebabkan pencemaran jerebu merentas sempadan berterusan ke Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan ke negeri Sarawak.

"Mekanisme tindak balas semasa berlakunya jerebu adalah mengikut Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan. Pelan ini menggariskan tindakan yang perlu dilaksanakan agensi kerajaan yang terbabit bagi menghadapi episod jerebu mengikut peringkat dan tahap berjaga-jaga dengan berpandukan bacaan IPU mengikut tempoh masa tertentu.

"Penutupan sekolah akan diselaraskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia apabila bacaan IPU melebihi 200 dan nasihat penutupan pejabat dan lain-lain tempat bekerja termasuk kilang akan dibuat apabila bacaan IPU mencecah paras melebihi 500 yang dikategorikan sebagai keadaan darurat bencana jerebu," katanya.

Wan Junaidi berkata, bagi mengelakkan keadaan bertambah buruk, semua pihak diingatkan tidak melakukan pembakaran terbuka.

"Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran kecil dan juga melaporkan kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat," katanya.



# THE STAR

STAR 28/8/16

## Appreciating Malaysia's peace and harmony

By NORBAITI PHAHARORADZI
newsdesk@thestar.com.my



**Patriotic:** Bachok hanging the Jalur Gemilang on his car and around his house at Jalan Muafakat, Kg Pasir Putih.

**PASIR GUDANG:** As a young boy who escaped the communist threat with his family and lived a hard life, retiree Bachok Nohong can't express enough his appreciation for the peace and harmony the country enjoys today.

The head of Kampung Pasir Putih here said when he was seven, he and his family had to flee the communists in Kampung Lepau, Pengerang, to Pasir Gudang by boat.

Now 73, Bachok remembered clearly the day he, with his sisters aged nine and three, helped their parents manoeuvre their small boat to cross to the other village.

"We started at 5am to avoid being tracked by the communists.

"It took us about one day to arrive at Kampung Pasir Putih after midnight due to the treacherous waters," he recalled.

Life after that was hard for his family, with a scarce supply of food and the constant fear of the insurgents.

"We tried our best to hide in a shelter to avoid the communists," he told *The Star* at his house which was bedecked with the national flag.

Bachok has strung up over 200 Jalur Gemilang of various sizes on his car – which he calls "my Mercedes Masterpiece" – and within his house compound.

Having lived through those dark days, the father of six said he was thankful for the peace and harmony Malaysia had been enjoying since its independence from British rule.

"I want to help instil patriotism, especially in children and the community," said Bachok, who intends to fly the flags for one month.

The proud Malaysian added that his move has earned positive response from the public.

Bachok said the flags, decorations and the #sehatisejiwa board placed at his front gate cost him about RM1,000 and took him three days to install.

As a former officer with the Johor Information Department, Bachok is still inclined to do his part to celebrate the National Day.

"I dropped by several primary and secondary schools around Pasir Gudang to explain to them the actual meaning of Merdeka and for them to appreciate more what they have now, compared to my time.

"I hope to do this every year. I might add the flags of the state's 10 districts next year," said Bachok, who has 26 grandchildren and a great-grandchild.



# THE STAR

STAR 28/8/16

# Johoreans walk for moderation

## Thousands take to the street in support of unity and harmony

By NABILA AHMAD
newsdesk@thestar.com.my




**For a better Malaysia:** Participants posing for a group shot at Pasir Gudang, Johor.

**JOHOR BARU:** Retiree V. Manugaran jumped at the chance to participate in the Anak-Anak Malaysia Walk 2016 with his wife Goh Soh Gek when the event made its stop in Johor.

The 63-year-old and his wife have always believed that the key to a peaceful country is respect for each other regardless of race and religion, so they did not think twice about walking for unity.

Goh, a 56-year-old store manager, said she was pleased to see that there were many others like them who cherished Malaysia's peaceful and harmonious society.

"I am also happy that people of all races gathered for this event and walked along with each other. This reflects the unity of the people in this country," she said at the event yesterday.

They were among the thousands who thronged Eco Tropics in Kota Masai for the Anak-Anak Malaysia Walk 2016 in support of moderation and harmony.

Participants from all sectors of society walked about two kilometres at the Eco Tropics' Carton Wonderland dressed in white T-shirts, accessorised with the striking red #AnakAnakMalaysia wristbands to promote the message of unity.

Human resource manager Norlela Mat Ali, 49, who came with four family members and friends, said she wanted to show her support and celebrate National Day as she always thought that Aug 31 was one of the most important dates for Malaysia.

"It is important for the people in the country to remember the date as it is the day that our nation achieved freedom," she said.

Meanwhile, Eco World Development Sdn Bhd divisional general manager Phan Yan Chan said that the event was a huge success, especially with participants from all races and ages coming together for a good cause.

"Each participant was given a T-shirt and goodie bag, and we opened up our facilities to make the walk more fun, such as playgrounds for children at some of the pit stops along the trail, and also held traditional games," he said.

Phan added that the walk was the first stop while the second station would take place at the Eco Summer and Eco Springs show galleries in Tebrau on Sept 3.

"Those who have registered for the first station do not have to register again for the second walk," he said, adding that the lucky draw contest would be held at the second event at the Eco Summer and Eco Springs in Tebrau.




#ANAK ANAK MALAYSIA
An ECOWORLD Star collaboration

**Step 1** - Wear the #AnakAnakMalaysia band
**Step 2** - Take a video or photo with the band
**Step 3** - Share your video or photo at www.anakanakmalaysia.com

**For more info please visit www.anakanakmalaysia.com**



# NEW STRAITS TIMES



*Johor Baru, which recorded a* ***moderate API level of 96 at 10am*** *yesterday, is blanketed in haze.*
**Pic by Zulkarnain Ahmad Tajuddin**

## Haze takes hold in Johor

NST 28/8/16

**JOHOR BARU:** The haze is getting worse and people are becoming more hesitant about going out.

Some are cancelling outdoor activities and adjusting plans to cope with the haze.

Housewife Lee Chwee Ping, 42, of Taman Bukit Indah here, said her family had cancelled an outing because of the worsening air quality.

"My husband and I had planned to go out for the weekend. My husband loves the outdoors but now, he says it is healthier to stay indoors," she said.

P. Partiban, 36, who works at a hotel in Singapore, said he now had to don a face mask while commuting on his motorcycle to the republic from Johor.

"I began using a face mask on Friday as the haze in Singapore is also quite bad," he said.

S. Bernard, 42, who also works in Singapore, said his main concern was his health.

"I worry that with prolonged exposure to the haze, even people who are in good health, like myself, could develop respiratory problems."

Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar said in a statement that the National Committee for Haze and Dry Weather would convene tomorrow in Kuala Lumpur, while the National Disaster Management Agency had activated its Working Committee to Tackle the Haze Situation on Aug 19.

The statement also said the Department of Environment was closely monitoring air quality nationwide and the uncertain haze pattern.

"Hotspots in Sumatra and Kalimantan are active and could cause transboundary haze to continue towards the west coast of Peninsular Malaysia and Sarawak," it said.

It is believed that the haze was moving towards southern Johor and Singapore due to southwestern monsoon winds.

Yesterday, Pasir Gudang registered an unhealthy Air Pollutant Index (API) level as southern Johor was blanketed by haze originating from central Sumatra.

The air quality deteriorated to an unhealthy API level of 104 at 7am in Pasir Gudang, and continued to hover between 103 and 99 until 3pm.

On Friday, the air quality in Pasir Gudang had slipped from "good" to "moderate".

Johor Environment and Health Committee chairman Datuk Ayub Rahmat said 36 areas in the country recorded good API readings in the morning, but 12 recorded moderate air quality at 7am.

He said among the 12 areas were Kota Tinggi, which recorded an API of 82, Larkin (96) and Muar (58).

At 3pm yesterday, the readings were still within the moderate range in Kota Tinggi (84), Larkin (69) and Muar (65).

Ayub said the Asean Specialised Meteorological Centre in Singapore had detected 11 hotspots in Sumatra on Friday and one in Sibu, Sarawak.

Johor Education, Information, Entrepreneur Development and Cooperatives Committee chairman Datuk Md Jais Sarday said there would be no school closures in the state, but that the situation would be monitored.

